

26 OCT 2003

DR MAHATHIR ULANGI JANJI BANTU BN WALAUPUN TELAH BERSARA

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi janjinya untuk membantu Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang walaupun telah bersara.

"Secara langsung saya tidak akan terlibat, saya tidak akan pegang jawatan apa-apa, tidak akan jadi menteri kanan dalam kabinet, tetapi apabila datang pilihan raya saya akan cuba berkempen untuk semua parti (komponen)," katanya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) yang ke-50 di sini.

Perdana Menteri yang juga pengerusi BN berkata ia kerana beliau percaya hanya BN saja yang mampu membawa dan mengekalkan kemajuan yang telah dicapai negara.

Dr Mahathir berkata dalam pada itu beliau gembira kerana masih diberi sokongan walaupun setelah bersara.

"Saya berasa amat puas hati dan gembira kerana tidak dihalau dari arena politik, sebaliknya saya masih dapat sokongan semasa saya bersara sekalipun," katanya yang akan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Jumaat ini.

Beliau berkata setelah 29 tahun berada dalam kerajaan sejak 1974, 22 tahun daripadanya sebagai Perdana Menteri, masanya telah tiba untuk berundur.

-- BERNAMA

NM KHY RON